

Tarikh:.....

BIL. Rujukan: JPA.SULIT.324/17/4/Klt.5/()

Nama:

Alamat:

Tuan/Puan,

Pertukaran Perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong
Pegawai Tadbir, Tingkatan Kanan Ke Dalam
Perkhidmatan Pegawai Eksekutif

Adalah saya dengan ini menawarkan kepada tuan/puan pertukaran ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan (B3/B1) menurut syarat-syarat berikut :-

- | | |
|--|---|
| 1. Tuan/puan akan diberi gaji di atas tanggagaji B3. Tarikh kenaikan gaji tuan/puan adalah tidak berubah/berubah sekiranya dua atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji di atas tanggagaji yang baru*. | Gaji Dan Tarikh
Kenaikan Gaji |
| 2. Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Eksekutif yang berkuatkuasa. Gelaran jawatan jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. | Penaklukan di
Bawah Syarat-Syarat Dan
Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan
Baru |

* Potong mana yang tidak sesuai.

- | | |
|---|--|
| 3. Tuan/puan yang tidak memilih untuk menerima pertukaran perkhidmatan akan kekal dalam jawatan masing-masing secara secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan. | Pegawai Kerja/
Penolong Pegawai
Tadbir Yang Tidak
Memilih Tawaran
Pertukaran
Perkhidmatan |
| 4. Kekananan tuan/puan dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah bermula dari tarikh pertukaran perkhidmatan ini. Susunan kekananan tuan/puan dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah mengikut susunan kekananan dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/ Penolong Pegawai Tadbir. | Kekananan |
| 5. Tuan/puan yang dilantik ke dalam perjawatan tetap dan juga telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberi taraf berpencen sebelum ditukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikehendaki menggenapkan tempoh perkhidmatan selama tidak kurang dari 10 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan sebelum layak diberikan taraf berpencen dan adalah dikekalkan membuat caruman ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga diberikan taraf berpencen. Tempoh perkhidmatan tuan/puan di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir diambilkira bagi maksud pencen tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. | Kemasukan ke Dalam
Perkhidmatan
Berpencen |
| 6. Tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan diberikan taraf berpencen sebelum ditukarkan perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikekalkan taraf berpencen itu. Perkhidmatan yang lepas sebelum pertukaran perkhidmatan ini akan diambilkira bagi maksud pencen sekiranya didapati layak mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. | Perkhidmatan Bagi
Maksud Paedah
Persaraan |